

Ubah Pemikiran Tentang Keperluan Golongan OKU



Oleh: Ahya Solehah Abdullah

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 10 Ogos 2021



Fariz (tiga dari kiri) bersama rakan OKU yang lain.

Siapa sangka, seorang lelaki yang dilahirkan normal, akhirnya terpaksa menggunakan kerusi roda untuk meneruskan kehidupannya sehariannya. Pengalaman itu dilalui oleh Fariz Abdul Rani, 41.

Sewaktu belajar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1998, dia terlibat dalam kemalangan motosikal yang mengakibatkan saraf tunjangnya tercedera. Dia disahkan lumpuh serta terpaksa menggunakan kerusi roda sepanjang hidupnya.

Akibat peristiwa itu, banyak perkara yang berlaku menghalangnya untuk meneruskan kehidupan seperti sebelumnya. Dengan keadaannya yang berkerusi roda, dia tidak dapat meneruskan pengajian dan sukar mendapatkan pekerjaan.

Apabila beroleh pekerjaan, gajinya hanya RM500 sebulan walaupun penat bekerja enam hari seminggu. Namun dia tidak patah semangat, hidup harus diteruskan. Bak kata pepatah, selagi ada kemahuan, di situ ada jalan.

Berkat usaha dan sokongan daripada banyak pihak, selepas 12 tahun, dia mampu memiliki beberapa buah syarikat termasuk kilang pengeluaran produk dengan pendapatannya kini mencecah antara RM200,000 hingga RM500,000 setahun.

“Saya membekalkan peralatan orang kurang upaya (OKU) sejak 2009, sekarang nama syarikat Orthovive Sdn Bhd dan syarikat kedua sejak 2014 iaitu Inspirize Training Consultancy yang ditubuhkan bersama isteri,” katanya.

Kini, anak kelahiran Sabah itu mampu membuktikan bahawa tiada apa yang dapat menghalang seseorang untuk berjaya walaupun dia menggunakan kerusi roda untuk bergerak kesana sini.

Dia bukan sahaja mampu membantu dirinya, malah dapat menolong masyarakat yang memerlukan kerusi roda selain memberi motivasi kepada mereka.

Fariz yang juga dilihat aktif dalam media sosial seperti Facebook, Instagram dan blog, sering berkongsi pengalaman serta motivasi kepada masyarakat agar mereka terus bersikap positif dan tenang, lebih-lebih lagi dalam situasi pandemik.

Baru-baru ini, dia menganjurkan kursus berkaitan OKU untuk sesiapa sahaja yang mahu belajar tentang golongan berkenaan.

Fariz yang juga felo perunding Institut Sosial Malaysia (ISM) bersama isterinya, mengatur langkah dengan mengadakan kursus latihan bagi membantu semua golongan termasuk OKU dan masyarakat secara umum.

Mereka mengambil inisiatif itu dengan harapan dapat memberi kesedaran kepada semua pihak untuk bertindak sewajarnya dan hidup dalam keadaan saling melengkapi antara satu sama lain.

“Sehingga hari ini, kesukaran dan cabaran utama sebagai OKU bukanlah pada kekurangupayaan yang saya alami, tetapi halangan persekitaran yang tidak mesra OKU adalah punca utama, bukan kepada saya sahaja tetapi kepada semua OKU.

“Ke mana saja saya hendak pergi adalah mustahil kerana jalan raya, kaki lima, bangunan, pengangkutan awam dan banyak lagi hanya dibina dan disediakan untuk mereka yang boleh berjalan atau boleh melihat,” katanya.

Fariz juga berharap agar masyarakat sedar bahawa semua kemudahan atau sistem sokongan yang diperlukan oleh OKU bukan semata-mata untuk golongan tersebut sahaja, malah untuk semua pihak.

“Saya tidak dilahirkan sebagai OKU, saya sendiri tidak tahu saya akan menjadi OKU. Bagi mereka yang selamat dari kemalangan, proses penuaan itu sendiri akan menjadikan semua orang jadi OKU.

“Apabila sudah tua, otot akan lemah, lutut akan sakit, berjalan sudah tidak boleh jauh dan akhirnya terpaksa memakai kerusi roda.

“Mata akan semakin kabur dan akhirnya tidak boleh nampak lagi. Pendengaran makin kurang akhirnya tidak boleh mendengar lagi.

“Semua ini akan berlaku dan malangnya apabila ia berlaku, mereka masih hidup. Masalahnya semua orang mahu umur panjang, tetapi lupa bahawa lebih lama mereka hidup, lebih tinggi peluang mereka menjadi OKU,” jelasnya.

Sehubungan itu, Fariz berharap agar masyarakat mengubah cara mereka berfikir tentang kemudahan yang disediakan untuk golongan OKU kerana mereka juga mungkin memerlukannya nanti.